

| | | | |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline | 41,000 akaun pendeposit Tabung Haji tidak aktif | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 17 May 2017 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 160,000 |
| Page No | 9 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 111 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,893 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,679 |



41,000 akaun pendeposit Tabung Haji tidak aktif

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) merekodkan lebih 41,000 akaun pendeposit yang tidak melakukan sebarang transaksi lebih tujuh tahun.

TH dalam satu kenyataan semalam berkata, akaun itu akan dipindahkan ke kumpulan 'Akaun Tidak Aktif' bermula 3 Jun ini dan tidak layak menerima sebarang hibah.

TH berkata, pendeposit yang mempunyai akaun TH tidak aktif boleh mengaktifkannya semula dengan melakukan transaksi seperti masuk atau keluar wang serta mengemas kini maklumat seperti alamat, nombor telefon dan penamaan waris di semua cawangan TH, Bank Islam dan Bank Rakyat di seluruh negara.

Kenyataan sama menyebut, pendeposit yang kehilangan buku akaun boleh pergi ke mana-mana cawangan TH dengan membawa kad pengenalan bagi tujuan semakan, penggantian

Akaun berkenaan akan dipindahkan ke kumpulan 'Akaun Tidak Aktif' bermula 3 Jun ini."

- Lembaga Tabung Haj

buku baharu dan kemas kini maklumat.

"Sekiranya pendeposit telah meninggal dunia, waris masih boleh membuat permohonan untuk menuntut semula jumlah amaun yang diklasifikasikan sebagai Akaun Tidak Aktif tersebut dengan mengemukakan dokumen berkaitan.

Pengemaskinian akaun ini juga bertujuan untuk memudahkan TH menghubungi bakal haji serta mengelak kes surat tawaran haji tidak diterima kerana bertukar alamat," kata kenyataan itu.